



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9370  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.500-3/1/1 Jld. 4 ( 24 )  
Tarikh : 2 Disember 2024

Semua Ketua Bahagian/Jabatan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) DI SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH DAN ASRAMA MALAYSIA, BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan sebagai **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) dan Asrama Malaysia (AMal), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**. Sehubungan dengan itu, BPSH ingin mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Jawatan	Gred	Tempat Bertugas	Subjek
Guru Penolong Kanan Kokurikulum	DG48/52(KUJ)	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur	-
Guru Akademik	DG41/42/DG44(KUJ)	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur	Matematik, Sekolah Menengah
Guru Bimbingan	DG41/42/DG44(KUJ)	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Putrajaya	Kaunseling

3. Pegawai-pegawai yang berminat untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut perlu memenuhi kriteria seperti syarat-syarat berikut:

**Syarat-Syarat Umum:**

- 3.1 Terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berada pada gred DG41/42 secara hakiki atau gred DG44 Khas Untuk Penyanggah (KUP) pada tarikh iklan dikeluarkan;
- 3.2 Memperolehi markah prestasi 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini (2021, 2022, 2023);
- 3.3 Bebas daripada tindakan tatatertib – rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009;
- 3.4 Telah mengisytiharkan harta (tempoh lulus isytihar harta **tidak** melebihi lima tahun); dan
- 3.5 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

**Syarat-Syarat Khusus**

- 3.6 Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda;
  - 3.7 Mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang Pendidikan;
  - 3.8 Mempunyai pengkhususan dalam subjek yang berkaitan; dan
  - 3.9 Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik.
4. Pegawai yang berminat boleh mengemukakan dokumen seperti berikut:
- 4.1 Mengisi borang permohonan seperti di **Lampiran A**;
  - 4.2 Kenyataan Ketua Jabatan di **Lampiran B**;
  - 4.3 Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah;
  - 4.4 Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemas kini dan diperakui sah; dan
  - 4.5 Resume serta salinan sijil yang diakui sah.
5. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **10 Disember 2024** ke alamat seperti di bawah:

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Sektor Khidmat Pengurusan)

6. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan ini boleh diajukan kepada **Puan Nur Azalila binti Shufa'at** di talian **03-8883 0673** atau **Puan Siti Norzaleha binti Latib** di talian **03-8884 9366**.

KPM.500-3/1/1 Jld. 4 ( 24 )

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NUR AZALILA BINTI SHUFA'AT)**

b.p.Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Kementerian Pendidikan